



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 4.00 petang, 4 Februari 2025

Untuk Terbitan Media

4 Februari 2025

SIARAN MEDIA

USAHA PENCEGAHAN PERKESO DIPERLUAS, KURANGKAN KEMALANGAN

BANGI – Usaha pencegahan kemalangan kendalian Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) diperluas, membabitkan 7,000 majikan yang dikenal pasti merekodkan kes tertinggi dalam pelbagai insiden bencana kerja, tahun lalu.

Lonjakan 25.4 peratus berbanding 5,582 majikan yang terbabit dalam Ops Cegah 2024 adalah demi memastikan pendekatan 'Vision Zero' atau 'Sifar Kemalangan' berupaya diterapkan di semua premis majikan dan semasa perjalanan ke tempat kerja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad, berkata ops pada tahun ini akan dilaksanakan menerusi kerjasama dengan rakan strategik seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), serta Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

"Secara keseluruhan, kes kemalangan yang dilaporkan dan disahkan PERKESO sebagai bencana kerja merekodkan penyusutan 2.4 peratus kepada 66,574 kes pada tahun lalu, berbanding 68,220 kes pada 2023.

"Daripada perangkaan ini, kemalangan perjalanan yang dilaporkan dan disahkan PERKESO sedikit meningkat kepada 33,638 kes pada 2024 jika dibandingkan dengan 33,181 kes, tahun sebelumnya.

"Bagaimanapun, kadar kemalangan bagi setiap 1,000 Orang Berinsurans (OB) menunjukkan penurunan 8.9 peratus bagi kemalangan industri dan 1.8 peratus untuk kes semasa perjalanan dalam tempoh sama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa merasmikan Konvensyen Pencegahan

Kemalangan 2025 (Cegah 2025) anjuran PERKESO, di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Sumber Manusia, Sutekno Ahmad Belon; Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Ir Mohd Hatta Zakaria.

Menyentuh mengenai penganjuran konvensyen, Abdul Rahman memaklumkan bahawa lebih 500 peserta yang terdiri daripada wakil majikan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi terlibat dalam program kali ini.

"PERKESO sentiasa menyokong program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan pelaksanaan Ops Cegah, dengan memfokuskan kepada majikan yang merekodkan kadar kemalangan tertinggi demi menjamin keberkesanan aspek pencegahan di tempat kerja.

"Setakat ini, 675 program KKP diluluskan PERKESO untuk dilaksanakan 35 NGO dan institusi, dengan peruntukan RM4.01 juta pada tahun ini," katanya.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'leaves no one behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

4 Februari 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my